



7 Oktober 2020  
7 October 2020  
P.U. (A) 297

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (NO. 8) (PINDAAN) (NO. 2) 2020

### *PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 8) (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT  
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN)  
(NO. 8) (PINDAAN) (NO. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) (Pindaan) (No. 2) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 7 Oktober 2020.

**Peraturan baharu 3A**

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) 2020 [*P.U. (A) 254/2020*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 3 peraturan yang berikut:

**“Larangan pergerakan ke tempat yang tertakluk kepada perintah kawalan pergerakan bersyarat**

3A. (1) Tiada seorang pun boleh masuk ke dalam atau keluar dari suatu tempat yang tertakluk kepada suatu perintah kawalan pergerakan bersyarat kecuali mana-mana orang yang diberikan kebenaran oleh pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “perintah kawalan pergerakan bersyarat” merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pegawai diberi kuasa di bawah subseksyen 11(3) Akta.”.

**Peraturan baharu 4B**

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 4A peraturan yang berikut:

**“Kawalan pergerakan dari Negeri Sabah**

4B. (1) Bagi tempoh 12 Oktober 2020 hingga 25 Oktober 2020, tiada seorang pun boleh bergerak dari Negeri Sabah ke Negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan atau mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia.

(2) Jika, kerana sebab khas dan tertentu, seseorang perlu bergerak dari Negeri Sabah ke Negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan atau mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia, orang itu hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pegawai polis yang menjaga balai polis yang paling hampir dengan kediaman orang itu.”.

Dibuat 7 Oktober 2020  
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/IV]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Menteri Kesihatan*

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT 1988

PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES (MEASURES WITHIN  
INFECTED LOCAL AREAS) (NO. 8) (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 8) (Amendment) (No. 2) Regulations 2020**.

(2) These Regulations come into operation on 7 October 2020.

**New regulation 3A**

2. The Prevention and Control of Infectious Diseases (Measures within Infected Local Areas) (No. 8) Regulations 2020 [*P.U. (A) 254/2020*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended by inserting after regulation 3 the following regulation:

**“Prohibition on movement to place that is subject to conditional movement control order**

3A. (1) No person shall enter into or exit from a place that is subject to a conditional movement control order except any person who is given permission by an authorized officer.

(2) For the purposes of subregulation (1), “conditional movement control order” refers to a direction given by an authorized officer under subsection 11(3) of the Act.”.

**New regulation 4B**

3. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 4A the following regulation:

**“Control of movement from the State of Sabah**

4B. (1) For the period from 12 October 2020 to 25 October 2020, no person shall move from the State of Sabah to the State of Sarawak, the Federal Territory of Labuan or any state in Peninsular Malaysia.

(2) Where, due to a special and particular reason, a person needs to move from the State of Sabah to the State of Sarawak, the Federal Territory of Labuan or any state in Peninsular Malaysia, that person shall obtain prior written permission of the police officer in charge of the police station nearest to the residence of such person.”.

Made 7 October 2020  
[KKM.600-29/4/146 Jld.2 (30); PN(PU2)470/IV]

DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA  
*Minister of Health*